

TAWARAN B

**PROGRAM
KESIHATAN
PERGIGIAN**

SESI 2026/2027

ISI KANDUNGAN

1. PEGAWAI YANG LAYAK MEMOHON	3
2. SYARAT-SYARAT UMUM	3
3. PERMOHONAN PROGRAM SARJANA BAGI PEGAWAI LANTIKAN TETAP	5
4. PERMOHONAN PROGRAM SARJANA BAGI PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK	6
5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN	8
6. SENARAI PENYOKONG PERMOHONAN CBBP DI BAWAH PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN	9
7. DOKUMEN TAMBAHAN	9
8. PERINGATAN	10
9. LAMPIRAN A	11
10. LAMPIRAN B	12

SARJANA PERGIGIAN SESI 2026/2027

TAWARAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN TETAP DAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN DENGAN BIASISWA BAGI PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN KONTRAK

1. PEGAWAI YANG LAYAK MEMOHON:

1.1. PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN TETAP

- 1.1.1. Pegawai Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dilantik tetap **sebelum 1 Januari 2022**; atau
- 1.1.2. Pegawai Pergigian KKM Lantikan Kontrak **sebelum 1 Januari 2022 yang dilantik tetap sehingga tarikh tutup permohonan.**

1.2. PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN KONTRAK

- 1.2.1. Pegawai Pergigian KKM lantikan kontrak di bawah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bil 4/2016 dan masih dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
- 1.2.2. Pegawai Pergigian KKM lantikan kontrak yang mendapat tawaran kesinambungan perkhidmatan bagi persediaan pengajian kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) rujukan KKM-500-8/1/20 Jld. 8 (11) bertarikh 5 Januari 2022.

2. SYARAT- SYARAT UMUM

- 2.1. Telah berdaftar **penuh** dengan Majlis Pergigian Malaysia (MDC);
- 2.2. Telah berkhidmat dengan KKM sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** (termasuk latihan siswazah) dan dilantik pada/sebelum **1 Januari 2022**;
- 2.3. Lulus Bahasa Melayu termasuk Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Peperiksaan Perkhidmatan Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Khas oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- 2.4. Pegawai perlu mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi tiga (3) tahun berturut-turut. Penilaian hendaklah genap 12 bulan bagi setiap tahun penilaian;
- 2.5. Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian diberikan kepada pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;

- 2.6. Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- 2.7. Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- 2.8. Tidak pernah menolak tawaran yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM dalam tempoh dua (2) sesi yang lepas;
- 2.9. Bebas/bersih daripada sebarang pertuduhan, prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan Mahkamah;
- 2.10. Pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya boleh menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental;
- 2.11. Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran A**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh Program Kesihatan Pergigian. Pegawai perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini;
- 2.12. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
- 2.13. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar atau peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain;
- 2.14. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang secara sepenuhnya.
- 2.15. Mematuhi **syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus** jangka pendek/ sederhana/ panjang yang terdahulu **dengan jayanya** selaras dengan perenggan 19(v)(k)(iv) MyPPSM Ceraian SM.1.1.1, Panduan Pembangunan Kompetensi Perkhidmatan Awam (MyKompetensi) mengenai tempoh pegawai boleh menghadiri kursus di luar negara seperti berikut:

Jenis Kursus Yang Telah Dihadiri Sebelum Ini	Tempoh Menunggu	
	Dalam Negara	Luar Negara
Kursus jangka pendek/ sederhana/ panjang	Kurang dari 3 bulan: Tiada	1 tahun (bagi kursus-kursus jangka pendek lain atau siri kursus jangka pendek seterusnya di luar negara)
Kursus jangka pendek	Lebih 3 bulan sehingga genap 12 bulan: 1 tahun	1 tahun (bagi mengikuti kursus jangka panjang di luar negara)
Kursus jangka sederhana/ panjang	Lebih 12 bulan : 2 tahun	3 tahun (bagi mengikuti kursus jangka panjang di luar negara)

Sumber : Dasar Penajaan JPA

Sumber: MyPPSM Ceraian SM.1.1.1

SYARAT TAMBAHAN/KHUSUS PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

PERMOHONAN PROGRAM SARJANA BAGI PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN TETAP

1. Calon berumur **tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat Sarjana pada **tarikh tutup permohonan**.
2. Permohonan Kursus Sarjana Pergigian **Klinikal** dalam negara **diwajibkan** mempunyai kelulusan/ kelayakan tambahan e.g; *MFDS/ MJDF/ MOrth/ Basic Medical Sciences* dan seumpamanya.
3. Permohonan kursus dalam negara yang mempunyai kelulusan IELTS dengan markah 6.0 dan MUET dengan markah 4.0 akan **diberi keutamaan** (sesetengah institusi mewajibkan calon mempunyai kelulusan tambahan ini);
4. Calon hanya boleh memohon kursus yang telah tersenarai sahaja (**rujuk Lampiran B**) untuk pertimbangan Program Kesihatan Pergigian berdasarkan keutamaan dan perancangan perkhidmatan kepakaran;
5. Permohonan HLP hanya tertakluk di universiti awam (UA) di dalam negara sahaja manakala **permohonan ke institusi pengajian di luar negara adalah bagi bidang kritikal yang tidak ditawarkan dalam negara**; dan
6. Calon yang memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)/ CBBP Tanpa HLP/ Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa HLP perlu melalui proses temu duga. **PERMOHONAN YANG TIDAK MELALUI eHLP/ DI LUAR IKLAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia KKM pada 18 September 2025**;
7. Bagi melepasi proses saringan temu duga yang akan dijalankan, calon perlu mempunyai ciri-ciri berikut:
 - a. Sikap dan personaliti yang bersesuaian dan cemerlang sebagai seorang Pakar Pergigian;
 - b. Kemahiran insaniah (*soft skills*), tahap keyakinan diri yang tinggi dan berdedikasi;
 - c. Minat dan inisiatif tinggi dalam bidang kepakaran yang dimohon;
 - d. Pengetahuan am yang tinggi dan peka terhadap situasi semasa; dan
 - e. Berkebolehan dan mampu untuk berkomunikasi dengan baik menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
8. Bagi bidang bukan kepakaran (contoh: *Master of Enforcement Law*), calon perlu mendapat kelulusan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)/ Ketua Jabatan/Institusi.

9. Setiap pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing memandangkan masalah kesihatan tertentu (seperti di **Lampiran A**) boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggung jawab profesional dan peribadinya; dan seterusnya mungkin menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat.
10. Pegawai diwajibkan mematuhi tempoh masa permohonan, penghantaran dokumen, mendapatkan pengesahan dari Unit Sumber Manusia dan Ketua Jabatan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti di perenggan 11. **Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan bukan menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Latihan KKM untuk memaklumkan kepada pegawai bagi menyempurnakan sebarang dokumen yang tidak lengkap.**
11. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut (*tertakluk kepada pindaan*):

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Tempoh permohonan Cuti Belajar dibuka di laman sesawang Sistem Permohonan e-HLP KKM (https://ehlp.moh.gov.my)	06 Oktober – 05 November 2025
ii.	Tempoh penghantaran Dokumen Tambahan	06 Oktober – 19 November 2025
iii.	Tempoh pengesahan Unit Sumber Manusia	06 Oktober – 12 November 2025
iv.	Tempoh sokongan Ketua Jabatan	06 Oktober – 19 November 2025
v.	Urusan temu duga	Februari – Mac 2026
vi.	Semakan keputusan tawaran di laman sesawang Sistem Permohonan e-HLP KKM (https://ehlp.moh.gov.my)	April/ Mei 2026

PERMOHONAN PROGRAM SARJANA BAGI PEGAWAI PERGIGIAN LANTIKAN KONTRAK

1. Calon berumur **tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat Sarjana pada **tarikh tutup permohonan**.
2. Calon telah berkhidmat sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun di mana lantikan adalah sebelum atau pada 1 Januari 2022**.
3. Permohonan Kursus Sarjana Pergigian Klinikal dalam negara yang mempunyai kelulusan/ kelayakan tambahan e.g; *MFDS/ MJDF/ MOrth/ Basic Medical Sciences* akan diberi keutamaan;

4. Permohonan kursus dalam negara yang mempunyai kelulusan IELTS dengan markah 6.0 dan MUET dengan markah 4.0 akan diberi keutamaan (sesetengah institusi mewajibkan calon mempunyai kelulusan tambahan ini);
5. Calon hanya boleh memohon kursus yang telah tersenarai sahaja (**rujuk Lampiran B**) untuk pertimbangan Program Kesihatan Pergigian berdasarkan keutamaan dan perancangan perkhidmatan kepakaran;
6. Permohonan HLP hanya tertakluk di universiti awam (UA) di dalam negara sahaja manakala **permohonan ke institusi pengajian di luar negara adalah bagi bidang kritikal yang tidak ditawarkan dalam negara**; dan
7. Calon yang memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)/ CBBP Tanpa HLP/ Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa HLP perlu melalui proses temu duga. **PERMOHONAN YANG TIDAK MELALUI eHLP/ DI LUAR IKLAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia KKM pada 18 September 2025**;
8. Bagi melepasi proses saringan temu duga yang akan dijalankan, calon perlu mempunyai ciri-ciri berikut:
 - a. Sikap dan personaliti yang bersesuaian dan cemerlang sebagai seorang Pakar Pergigian;
 - b. Kemahiran insaniah (*soft skills*), tahap keyakinan diri yang tinggi dan berdedikasi;
 - c. Minat dan inisiatif tinggi dalam bidang kepakaran yang dimohon;
 - d. Pengetahuan am yang tinggi dan peka terhadap situasi semasa; dan
 - e. Berkebolehan dan mampu untuk berkomunikasi dengan baik menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
9. Setiap pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing memandangkan masalah kesihatan tertentu (seperti di **Lampiran A**) boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggung jawab profesional dan peribadinya; dan seterusnya mungkin menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat.
10. Pegawai diwajibkan mematuhi tempoh masa permohonan, penghantaran dokumen, mendapatkan pengesahan dari Unit Sumber Manusia dan Ketua Jabatan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti di perenggan 11. **Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan bukan menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Latihan KKM untuk memaklumkan kepada pegawai bagi menyempurnakan sebarang dokumen yang tidak lengkap.**

11. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut (**tertakluk kepada pindaan**):

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Tempoh permohonan Cuti Belajar dibuka di laman sesawang Sistem Permohonan e-HLP KKM (https://ehlp.moh.gov.my)	06 Oktober – 05 November 2025
ii.	Tempoh penghantaran Dokumen Tambahan	06 Oktober – 19 November 2025
iii.	Tempoh pengesahan Unit Sumber Manusia	06 Oktober – 12 November 2025
iv.	Tempoh sokongan Ketua Jabatan	06 Oktober – 19 November 2025
v.	Urusan temu duga	Februari – Mac 2026
vi.	Semakan keputusan tawaran di laman sesawang Sistem Permohonan e-HLP KKM (https://ehlp.moh.gov.my)	April/ Mei 2026

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/ PENYELIA

1. Ketua Jabatan/ Penyelia perlu membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan sebelum memperakukan permohonan pegawai**. Tanggungjawab Ketua Jabatan/ Penyelia adalah **memperakukan pegawai yang benar-benar sesuai, berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan**.
2. Ketua Jabatan/ Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan untuk Cuti Belajar pada Sesi 2026/2027 kelak. Sekiranya kesemua pegawai yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan Cuti Belajar ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki **memberi pelepasan** kepada mereka untuk menjalani pengajian.
3. Bahagian Pengurusan Latihan, KKM berhak membatalkan permohonan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan walaupun telah diperakukan oleh Ketua Jabatan. Bahagian Pengurusan Latihan KKM tidak bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan maklumat perkhidmatan yang telah diperakukan oleh Ketua Jabatan sehingga menyebabkan permohonan pegawai ditolak.

**SENARAI PENYOKONG PERMOHONAN CBBP DI BAWAH
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN**

TEMPAT PEMOHON BERTUGAS	PENYOKONG
KLINIK PERGIGIAN	TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN)
PEJABAT PERGIGIAN DAERAH	TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN)
JABATAN KESIHATAN NEGERI	TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN)
HOSPITAL NEGERI/ DAERAH	TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN)
HOSPITAL KUALA LUMPUR	PENGARAH HOSPITAL KUALA LUMPUR
INSTITUSI	PENGARAH INSTITUSI
IBU PEJABAT KKM	PENGARAH BAHAGIAN
MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA	PENGARAH BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK KESIHATAN PERGIGIAN

DOKUMEN TAMBAHAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

Mengisi dan memuat naik dokumen tambahan yang diperlukan seperti pada perkara (a) hingga (g) di bawah **sebelum tarikh tutup permohonan** di dalam pautan yang berkenaan seperti ketetapan berikut:

Pautan Lantikan Tetap: <https://tinyurl.com/bde8sv29>

Pautan Lantikan Kontrak: <https://forms.gle/UKJuAY6Stx3zQvZU8>

- (a) **Kertas Cadangan Penyelidikan (*Proposal Paper*)**/ disertasi pengajian yang lengkap (**panduan menulis seperti di Lampiran C di sistem eHLP**);
- (b) Surat Aku Janji Cuti Belajar – persetujuan dengan penempatan yang ditetapkan oleh Ketua Program setelah tamat pengajian untuk Pegawai Pergigian (**seperti di Lampiran E – Selain Program Farmasi di sistem eHLP**);
- (c) *Curriculum Vitae* (**seperti di Lampiran G di sistem eHLP**);

- (d) Salinan **Transkrip Penuh Akademik dan Sijil Ijazah Sarjana Muda**;
- (e) Surat Tawaran Universiti (sekiranya ada);
- (f) Surat tawaran Biasiswa/ Tajaan Luar (selain HLP) (sekiranya ada); dan
- (g) Salinan buku log yang telah disahkan oleh Pakar Pergigian yang menyelia latihan sangkutan pemohon.

PERINGATAN

**TUAN/ PUAN PERLU SCAN DOKUMEN TAMBAHAN YANG BERKAITAN
DALAM BENTUK PDF UNTUK DIMUAT NAIK KE PAUTAN *GOOGLE FORM*
YANG DINYATAKAN DI ATAS.**

**PASTIKAN SEMUA DOKUMEN TAMBAHAN ADALAH LENGKAP DAN TEPAT
SERTA DIMUAT NAIK BAGI MENGELAKKAN PERMOHONAN DITOLAK.**

**TARIKH AKHIR BAGI PENGHANTARAN DOKUMEN TAMBAHAN ADALAH
PADA**

19 NOVEMBER 2025

SEKIAN, TERIMA KASIH.

JENIS PENYAKIT

- a. *Physical disabilities (or handicap)*
- b. *Mental illness*
- c. *Stroke, neurological illness, cerebrovascular accident and dementia*
- d. *Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*
- e. *Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners)*
- f. *Substance (drugs) abuse and dependence*

**SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI
CUTI BELAJAR DI PERINGKAT SARJANA SESI 2026/2027
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN**

BIL.	KAEDAH	BIDANG	PERINGKAT	UNIVERSITI / INSTITUSI	LOKASI
BEDAH MULUT DAN MAKSILOFASIAL					
1	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Oral and Maxillofacial Surgery</i>	Sarjana	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia / Universiti Kebangsaan Malaysia/ Universiti Teknologi MARA	Dalam Negara
ORTODONTIK					
2	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Orthodontics</i>	Sarjana	Universiti Malaya/ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia/ Universiti Sains Islam Malaysia/ Universiti Kebangsaan Malaysia/ MAHSA	Dalam Negara
PERIODONTIK					
3	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Periodontology</i>	Sarjana	Universiti Sains Malaysia/ MAHSA	Dalam Negara
PERGIGIAN PEDIATRIK					
4	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Paediatric Dentistry</i>	Sarjana	Universiti Malaya/ Universiti Kebangsaan Malaysia/ Universiti Teknologi MARA	Dalam Negara

BIL.	KAEDAH	BIDANG	PERINGKAT	UNIVERSITI / INSTITUSI	LOKASI
PERGIGIAN RESTORATIF					
5	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Conservative Dentistry/ Restorative Dentistry/ Prosthodontics/ Endodontics</i>	Sarjana	Universiti Malaya (Endodontics only)/ Universiti Sains Malaysia (Prosthodontics only)/ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Prosthodontics only)/ MAHSA (Restorative Dentistry only) Universiti Teknologi MARA (Prosthodontics and Endodontics only)	Dalam Negara
PATOLOGI MULUT DAN PERUBATAN MULUT					
6	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Oral Pathology and Oral Medicine</i>	Sarjana	Universiti Malaya / Universiti Teknologi MARA	Dalam Negara
PERGIGIAN FORENSIK					
7	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Master in Forensic Odontology</i>	Sarjana	<i>University of Dundee, Scotland</i>	Luar Negara
PERGIGIAN PENJAGAAN KHAS					
8	CBBP Dengan HLP/PLK Dengan Basiswa	<i>Special Care Dentistry</i>	Sarjana	Universiti Malaya	Dalam Negara

BIL.	KAEDAH	BIDANG	PERINGKAT	UNIVERSITI / INSTITUSI	LOKASI
KESIHATAN AWAM PERGIGIAN					
9	CBBP Dengan HLP/ PLK Dengan Basiswa	<i>Dental Public Health</i>	Sarjana	Universiti Malaya/ Universiti Kebangsaan Malaysia	Dalam Negara
*Senarai ini tertakluk kepada kesediaan pihak universiti untuk menawarkan program pada sesi 2026/2027					